Pemotongan Kaveat Persendirian (KVSPM)

Maklumat Am

Pemotongan Kaveat Persendirian adalah satu urusan untuk menyingkirkan kaveat persendirian yang telah didaftarkan ke atas suatu hakmilik bagi membenarkan urusniaga dijalankan semula ke atas tanah / rumah dan hanya pemilik yang berdaftar sahaja yang dibenarkan memohon untuk melaksanakan urusan ini.

Senarai Dokumen

Berikut adalah senarai dokumen yang perlu disertakan:

Bil.	Maklumat/ Dokumen
1.	Surat Permohonan Rasmi
2.	Borang 19H
3.	Biometrik Pemilik (Jika penyaksian dibuat di Pejabat Daerah & Tanah)
4.	Surat Akuan (Bukan Mandatori)
5.	Salinan Kad Pengenalan / Dokumen Syarikat Pemilik (SSM/FORM 49)
6.	Salinan carian rasmi yang terkini
7.	Salinan cukai yang terkini

Fi Bayaran

Bil.	Urusan	Fi (RM)
1.	Pemotongan Kaveat Persendirian (KVSPM)	RM 200
2.	Notis	RM 20

Tempoh Siap

2 bulan / 60 hari bekerja minimum

Maklumat Tambahan

- Tempoh pemotongan kaveat ini adalah 60 hari dari tarikh notis pemotongan disampaikan kepada pengkaveat.
- Jika penyampaian notis tidak berjaya, tambahan 60 hari lagi diperlukan untuk mewartakan pemotongan kaveat ini
- Pemotongan kaveat ini akan segera dilakukan apabila telah sampai tempoh 60 hari atau 90 hari yang dikuatkuasakan.

- Pengkaveat boleh menghalang urusan ini hanya dengan mendapatkan perintah mahkamah sahaja.
- Sebarang surat menyurat sama sekali tidak dilayan.